AUTHOR: Oleh NORHASPIDA YATIM SECTION: NASIONAL PAGE: 21 PRINTED SIZE: 295.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,254.00 ITEM ID: MY0068999572



27 APR, 2026

Pokok gergasi 300 tahun masih berdiri

Sinar Harian, Malaysia

Pokok gergasi 300 tahun masih berdiri

Exco nafi isu tular pokok Melunak ditebang

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU – Kerajaan negeri mengesahkan pokok Melunak gergasi yang menjadi khazanah alam di Gua Bewah, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu masih kekal dan tidak ditebang seperti didakwa sebelum ini.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim negeri, Datuk Razali Idris berkata, dakwaan di media sosial mengatakan pokok tersebut ditebang hanyalah khabar angin disebar tanpa sebarang pengesahan rasmi.

"Dakwaan pokok Melunak ditebang hanyalah cakap-cakap di media sosial dan tiada pengesahan rasmi, jadi kita berikan amaran awal mengenai perkara ini.

"Setakat ini, hanya satu pokok Melunak bersaiz besar dikenal pasti di kawasan tersebut dianggarkan berusia melebihi 300 tahun dengan ketinggian kira-kira 100 meter serta ukuran lilit 40 meter atau bersamaan 26 pemeluk dewasa," katanya dalam kenyataan di sini pada Ahad.

Menurut Razali, penjagaan pokok dilakukan secara ketat oleh Pejabat Hutan Daerah dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) menerusi pemantauan berkala bagi mengelak sebarang pencerobohan.

Dalam perkembangan sama, Razali memaklumkan Ketengah kini dalam proses menyediakan Bil Kuantiti (BQ) bagi kerja membaik pulih laluan Melunak Trail dikenal pasti mengalami kerosakan.

"Laluan tersebut boleh menjadi berisiko terutama pada musim tengkujuh kerana licin. Kita merancang menaik taraf titi kayu kepada titi simen di kawasan kritikal demi keselamatan pengunjung," jelasnya.

Menyentuh isu air keruh di Santuari Kelah yang dilaporkan sejak Khamis lalu, Razali berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan termasuk dakwaan mengaitkannya dengan pembalakan.

"Siasatan bersama agensi berkaitan dijalankan bagi mengenal pasti punca sebenar," jelasnya.



Pokok Melunak sebesar 26 pemeluk orang dewasa dan setinggi 100 meter masih wujud di Gua Bewah, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu.

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.

AUTHOR: Oleh NORHASPIDA YATIM SECTION: NASIONAL PAGE: 21 PRINTED SIZE: 295.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,254.00 ITEM ID: MY0068999572



27 APR, 2026

Pokok gergasi 300 tahun masih berdiri

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

Exco nafi isu tular pokok Melunak ditebang
KUALA TERENGGANU- Kerajaan negeri mengesahkan pokok Melunak gergasi yang menjadi khazanah alam di Gua Bewah, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu masih kekal dan tidak ditebang seperti didakwa sebelum ini. Exco Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim negeri, Datuk Razali Idris berkata, dakwaan di media sosial mengatakan pokok tersebut ditebang hanyalah khabar angin disebar tanpa sebarang pengesahan rasmi.

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.